**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2026** **1223/1**
**PENDIDIKAN ISLAM**
**Kertas 1**
**2 ½ jam** **Dua jam tiga puluh minit**

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
# SET 1

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi* **lima** *soalan.*
2. *Jawab* **semua** *soalan.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Tulis* **nombor kad pengenalan** *dan* **angka giliran** *anda pada ruangan yang disediakan.*
5. *Ikat kertas jawapan bersama-sama helaian tambahan dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

| *Untuk Kegunaan Pemeriksa* | | |
|---|---|---|
| Soalan | Markah Penuh | Markah Diperoleh |
| **1** | 20 | |
| **2** | 20 | |
| **3** | 20 | |
| **4** | 20 | |
| **5** | 20 | |
| Jumlah | **100** | |

Kertas soalan ini mengandungi **4** halaman bercetak.

**[Lihat halaman sebelah**

Jawab **semua** soalan.

1 (a) Firman Allah SWT :

۞أَجَعَلْتُمْ سِقَايَةَ ٱلْحَآجِّ وَعِمَارَةَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ كَمَنْ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ وَجَٰهَدَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ لَا
يَسْتَوُۥنَ عِندَ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٩﴾ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَهَاجَرُوا۟ وَجَٰهَدُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ بِأَمْوَٰلِهِمْ
وَأَنفُسِهِمْ أَعْظَمُ دَرَجَةً عِندَ ٱللَّهِ ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَآئِزُونَ ﴿٢٠﴾

(Surah al-Taubah : Ayat 19 - 20)

Ayat di atas menjelaskan tentang keutamaan iman dan jihad di sisi Allah berpandukan Fiqh al-Aulawiyat.

Berdasarkan ayat di atas,

i. Nyatakan sebab turun ayat tersebut. [2 *markah*]

ii. Jelaskan **dua** kepentingan Fiqh al-Aulawiyat terhadap individu. [2 *markah*]




iii. Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang wajar dilakukan? [2 markah]

iv. Huraikan pandangan anda sekiranya sikap di atas diamalkan. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ : لَأَنْ يَحْتَطِبَ أَحَدُكُمْ حُزْمَةً عَلَى ظَهْرِهِ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا
فَيُعْطِيَهُ أَوْ يَمْنَعَهُ. (رواية البخاري)

Hadis di atas menerangkan tentang kebaikan berdikari menurut Islam.

i. Jelaskan **dua** konsep berdikari. [2 markah]

ii. Jelaskan **dua** kelebihan berdikari dalam kehidupan. [2 markah]

***Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud :***
***"Ya Allah, cukupkan untukku dengan rezeki yang halal tanpa haram, dan tidak bergantung kepada rezeki daripada sesiapa selain-Mu." (Riwayat at-Tarmizi)***

iii. Bagaimanakah seorang murid boleh mengamalkan tuntutan doa di atas dalam kehidupan seharian? [4 markah]

ءَآلْـَٔنَ

(c) Jelaskan jenis mad lazim kalimi dan cara bacaannya. [2 markah]

2 (a) Menghayati nama Allah al-Jabbar membentuk hati yang kuat, rendah diri dan sabar dan penuh harapan kepada Allah SWT.

i. Nyatakan maksud al-Jabbar. [2 markah]

ii. Jelaskan **dua** kefahaman mengenai nama Allah SWT al-Jabbar. [4 markah]

***"Keimanan kepada al-Jabbar melahirkan rasa gerun untuk bersikap sombong."***

iii. Kemukakan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas. [4 markah]

(b) Muktazilah mula muncul di Basrah Iraq sekitar tahun 700 Masihi.

i. Nyatakan sejarah ringkas aliran Muktazilah. [2 markah]

ii. Jelaskan prinsip utama aliran Muktazilah. [2 markah]

***"Aliran muktazilah tidak mempercayai hadis-hadis yang didakwa bertentangan dengan logik Paganisme Yunani."***

*(Sumber : al-Sunnah wa Makanatuha fi al-Tasyri' al-Islami, hlm. 7)*

iii. Cadangkan langkah agar aliran tersebut tidak berleluasa. [2 markah]

iv. Huraikan pandangan anda sekiranya kerajaan tidak membendung perkara di atas. [4 markah]

3 (a) Ibadah haji wajib dilaksanakan sekali seumur hidup bagi yang berkemampuan.

(i) Senaraikan **dua** jenis haji. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** kaifiat pelaksanaan Haji Tamatuk. [2 markah]

***"Ibadah haji adalah lambang jihad yang menyeluruh untuk mencari keredhaan Allah SWT."***

(iii) Huraikan pandangan anda berdasarkan penyataan di atas. [4 markah]

(b) Solat Sunat Tasbih merupakan salah satu amalan sunat yang sangat dianjurkan dalam Islam.

(i) Apakah maksud Solat Sunat Tasbih? [2 markah]

(ii) Jelaskan kaifiat Solat Sunat Tasbih dari aspek : [2 markah]

a) niat
b) bilangan rakaat

(c) Talak dibolehkan dalam Islam dalam beberapa keadaan.

(i) Jelaskan hukum dan alasan bagi situasi berikut : [2 markah]

a) Suami menceraikan isteri hanya kerana terpengaruh dengan hasutan kawan.




(ii) Cadangkan cara bagi mengelakkan situasi tersebut berlaku dalam rumahtangga. [2 markah]

(iii) Huraikan kesan yang berlaku jika masalah ini berterusan. [4 markah]

4 (a) Era pemerintahan Khulafa al-Rasyidin meneruskan legasi kepimpinan Rasulullah SAW.

i. Senaraikan **dua** khalifah dalam pemerintahan Khulafa al-Rasyidin. [2 markah]

ii. Jelaskan **dua** pencapaian kepimpinan Khulafa al-Rasyidin dari aspek ketenteraan. [4 markah]

***"Saidina Ali bin Abi Talib meneruskan kutipan jizyah yang dikenakan terhadap golongan kafir zimmi."***

iii. Berdasarkan pencapaian tokoh di atas, berikan hujah anda. [4 markah]

(b) Kerajaan Uthmaniyah merupakan kerajaan Islam yang terkenal pada zamannya.

i. Nyatakan sejarah pemerintahan Kerajaan Uthmaniyah secara ringkas. [2 markah]

ii. Terangkan iktibar daripada pemerintahan Kerajaan Uthmaniyah? [2 markah]

***"Sejak usia muda, Sultan Muhammad al-Fateh sangat berdisiplin dan fokus pada satu matlamat besar, iaitu menawan Constantinople."***

iii. Sebagai seorang murid, bagaimanakah cara anda mencontohi sifat sultan tersebut dalam kehidupan? [2 markah]

iv. Berikan hujah anda sekiranya seorang pemimpin tidak memiliki sifat tersebut. [4 markah]

5 (a) Setiap orang Islam dituntut untuk beradab kepada orang sakit.

i. Nyatakan **dua** adab terhadap orang sakit dalam aspek emosi. [2 markah]

ii. Terangkan **dua** hikmah beradab kepada orang sakit. [4 markah]



iii. Berdasarkan gambar di atas, huraikan tanggungjawab sosial masyarakat kepada golongan tersebut. [4 markah]

(b) Riak merupakan salah satu sifat mazmumah yang dilarang Allah SWT.

i. Apakah maksud riak? [2 markah]

ii. Jelaskan **dua** contoh sifat riak. [2 markah]



iii. Berikan pandangan anda, mengapakah situasi ini berlaku? [2 markah]

iv. Berdasarkan gambar di atas, bagaimanakah anda dapat menangani situasi tersebut dalam konteks kehidupan bermasyarakat? [4 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**